

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]

TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)

SOALAN :

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah impak kepada peserta 'Vendor Development Programme' Petronas ekoran dari kejatuhan harga minyak.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Vendor Development Programme (VDP) PETRONAS telah diwujudkan sejak dari tahun 1994 bagi memupuk pembangunan keupayaan dan meningkatkan bilangan pengusaha-pemilik (*owner-operator*) Bumiputera tempatan di dalam industri minyak dan gas menerusi bidang kerja yang terpilih.

Program ini telah digariskan untuk mengambil alih pasaran produk dan perkhidmatan dari luar negara (*import substitution*) bagi produk dan perkhidmatan berkaitan teknologi tinggi dan sederhana dan bidang kerja yang mengalami pertumbuhan untuk bidang-bidang tertentu, kepada vendor-vendor yang berkelayakan. Sejak penubuhannya pada tahun 1994, program VDP telah memberi peluang kepada sebanyak 88 buah syarikat Bumiputera melalui penganugerahan kontrak-kontrak yang berjumlah RM7.7 bilion.

Di dalam menghadapi keadaan pasaran industri minyak dan gas yang tidak menentu dan sentiasa berubah-ubah, PETRONAS sentiasa mengamalkan prinsip perbelanjaan yang berhemah melibatkan usaha usaha seperti penjimatan kos. Walau bagaimanapun, Program VDP akan diteruskan akan tetapi aktiviti ini adalah berkadaran dengan permintaan yang diperlukan mengikut keadaan semasa industri minyak dan gas.

Sekian, terima kasih.